

Najib mohon 19 dokumen

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memohon 19 dokumen bank beberapa buah syarikat yang dikatakan mempunyai kaitan dengan ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low dan keluarga bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar.

Turut diminta ialah dokumen-dokumen berkaitan prosiding lucut hak aset yang dirampas daripada sebuah unit kondominium mewah milik Obyu Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM680 juta.

Semua dokumen yang dimohon didakwa berkaitan dengan skandal penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Permohonan tersebut dinyatakan dalam notis usul yang difailkan Najib melalui firma guaman, Tetuan Shafee & Co. di Kompleks Mahkamah di sini, semalam de-

ngan menamakan pendakwaan sebagai responden tunggal.

Permohonan itu disebut pada 26 Mac ini.

Antara syarikat yang disenarai-kan Najib dalam permohonannya untuk mendapatkan dokumen perbankan ialah Aktis Capital Singapore Private Limited, Country Group Securities Public Company Limited, ACME Time Limited (BVI), Butamba Investment Limited, Central Holding Limited dan Iron Rhapsody Limited.

Sebuah portal berita dalam laporannya bertarikh 3 Mac lalu menyatakan Iron Rhapsody telah menerima kira-kira AS\$16.22 juta (kira-kira RM65.71 juta) daripada syarikat kendalian Jho Low dalam lima transaksi.

Suami Zeti, Datuk Dr. Tawfiq Ayman adalah pemilik benefisial syarikat itu yang mana Iron Rhapsody dan kini sedang disiasat mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan

Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Selain permohonan mendapatkan dokumen-dokumen tersebut, Ahli Parlimen Pekan itu juga memohon memanggil dua pegawai polis sebagai saksi dalam perbicaraan kes penyelewengan dana 1MDB berjumlah RM2.3 bilion yang dihadapinya.

Menurut affidavit sokongan Najib, beliau mendakwa responden, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan Bank Negara Malaysia sengaja menyekat pihaknya daripada mendapatkan dokumen-dokumen itu dan keterangan yang mungkin berpihak kepadanya.

"Responden juga tidak mahu saya memperoleh dokumen-dokumen dan keterangan berkaitan kerana ia akan membantu pembelaan saya," ujarnya.

Menurut Najib, dokumen-dokumen tersebut adalah penting agar pembelaannya tidak dianggap sebagai sesuatu yang difikir-

kan kemudian (afterthought).

Selain itu, beliau memohon memanggil Senior Asisten Komisioner (SAC) R. Rajagopal, Pengarah Bahagian Pencegahan Wang Haram SPRM, Timbalan Pesuruhjaya Mohammad Zamri Zainul Abidin dan Pengarah Jabatan Perisikan dan Penguatkuasaan Kewangan BNM, Mohd. Fuad Arshad senagai saksi dalam perbicaraan 1MDB.

Ujar Najib, ketiga-tiga individu ini tidak disenaraikan sebagai saksi.

"Penilaian terhadap kredibiliti saksi Responden adalah satu faktor yang perlu dipertimbangkan dalam membuktikan kes prima facie terhadap saya. Oleh itu, adalah wajar semua keterangan wajar dikemukakan kepada mahkamah," kata Najib.



NAJIB TUN RAZAK